



TAKLIMAT KAJIAN SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) BAGI WARGA KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

TEKS UCAPAN PERASMIAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

TARIKH : 11 MAC 2024 (ISNIN)
TEMPAT : AUDITORIUM MINDEF, WISMA
PERTAHANAN,
JALAN PADANG TEMBAK,
KEMENTAH, KUALA LUMPUR
MASA : 9.40 PAGI – 10.30 PAGI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum W.B.T.

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia
MADANI.

Terima kasih saya ucapkan kepada Pengacara Majlis dan
Pembaca Doa.

SALUTASI

Yang Berbahagia Datuk Seri Isham bin Ishak
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia,

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman
Panglima Angkatan Tentera Malaysia,

Yang Berbahagia Tan Sri Muhammad Hafizuddeain bin Jantan
Panglima Tentera Darat,

Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob
Panglima Tentera Laut,

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin
Goriman Khan
Panglima Tentera Udara,

Yang Berbahagia Datin Roszanina binti Wahab
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Pertahanan Malaysia,
Seterusnya, Yang Berbahagia Tan Sri/Dato'
Seri/Dato'/Dr./Tuan/Puan yang saya kasihi sekalian.

UCAPAN ALUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama berkumpul dalam sesi Taklimat Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang diadakan khusus bagi warga Kementerian Pertahanan dan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Auditorium MINDEF pada pagi ini.
2. Pertamanya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pertahanan atas kesudian menganjurkan sesi taklimat ini kepada warga Kementerian Pertahanan dan Veteran ATM. Sesungguhnya, ruang dan kesempatan yang diberikan ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) seperti ini merupakan suatu usaha yang baik bagi memperkemaskan lagi dapatan dan dimensi kajian SSPA.

ASPIRASI DAN FOKUS KAJIAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Dr./Tuan/Puan yang saya hormati sekalian,

3. Seperti mana kita sedia maklum, Sistem Saraan Malaysia (SSM) telah mula dilaksanakan di sektor Perkhidmatan Awam Malaysia bermula pada 1 November 2002 menerusi

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002. Sistem saraan ini diperkenalkan bagi menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB).

4. Setelah lebih dari dua (2) dekad, Kerajaan berasakan bahawa kerangka sistem saraan sedia ada tidak lagi relevan bagi menangani tekanan kos sara hidup yang dialami oleh Penjawat Awam. Justeru, YAB Perdana Menteri pada 7 Ogos 2023 telah mengumumkan komitmen dan kesediaan Kerajaan untuk mengkaji dan menambah baik sistem saraan ini melalui kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).
5. Sebagai makluman, kajian SSPA ini bukan hanya berkisar kepada peningkatan gaji dan penambahbaikan kemudahan semata-mata. Terdapat tiga (3) skop utama diberikan perhatian dalam kajian ini, iaitu Kemampuan Saraan, Pembangunan Organisasi dan Pengurusan Bakat. Seperti yang kita maklumi, skop Kemampuan Saraan berfokus kepada penambahbaikan sistem saraan Penjawat Awam agar bersesuaian dengan cabaran kos sara hidup semasa. Skop Pembangunan Organisasi pula menumpukan kepada aspek penambahbaikan kepada struktur dan skim Perkhidmatan Awam. Manakala, skop Pengurusan Bakat tertumpu kepada kemajuan kerjaya dan peluang kenaikan pangkat Penjawat Awam.
6. Dengan kata lain, hasil akhir yang disasarkan melalui kajian SSPA ini akan berupaya meningkatkan keefisienan Penjawat Awam, mengoptimumkan kos pengurusan agensi Kerajaan, meningkatkan produktiviti Perkhidmatan

Awam, dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan Penjawat Awam secara keseluruhannya.

STATUS SEMASA GERAK KERJA KAJIAN SSPA

Sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Sebagai memastikan dapatan kajian ini mencakupi keseluruhan Perkhidmatan Awam, JPA telah melaksanakan sebegitu banyak sesi libat urus (SLU) merentasi pelbagai peringkat dan kumpulan perkhidmatan sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri dan Kesatuan. Untuk rekod, JPA baharu sahaja selesai mengadakan enam (6) siri SLU yang melibatkan semua persatuan gabungan CUEPACS dari 23 Januari hingga 29 Februari yang lalu. Terkini, JPA juga telah mengadakan Mesyuarat Khas dengan Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) pada 6 Mac 2024 yang melibatkan ketiga-tiga cabang Pihak Pekerja MBK iaitu Pengurusan dan Profesional, Sains dan Teknologi, serta Am.
8. Usaha ini tidak hanya tertakluk kepada satu kaedah sahaja. Pihak JPA telah membangunkan portal dengan pautan semakansaraan.jpa.gov.my yang bertujuan untuk mendapatkan lebih banyak maklum balas daripada semua Penjawat Awam. Portal ini beroperasi selama lebih daripada 7 bulan iaitu dari 7 Ogos 2023 hingga 29 Mac 2024. Seramai 48,032 orang responden daripada 229 skim perkhidmatan terlibat dalam memberikan respons mereka ke dalam portal ini. Sebanyak 126,596 cadangan telah dikemukakan yang mana merangkumi ketiga-tiga skop kajian SSPA.

PENGHARAPAN DARIPADA SESI TAKLIMAT DAN LIBAT URUS

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Dr./Tuan/Puan sekalian,

9. Sesi Taklimat Kajian SSPA pagi ini yang diadakan khusus kepada warga Kementerian Pertahanan dan Veteran Angkatan Tentera merupakan satu lagi usaha JPA untuk mencambahkan lagi dapatan kajian SSPA ini. Saya percaya, segala pandangan yang akan dikemukakan oleh YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Dr./Tuan/Puan akan menyumbang kepada penghasilan suatu sistem saraan yang komprehensif dan mengambil kira semua peringkat skim, jawatan dan status. Justeru, segala input yang diperoleh selepas ini akan diambil kira dalam penyediaan laporan kajian kelak.
10. Adalah diharapkan, sesi taklimat ini akan memberikan kefahaman dan penjelasan kepada warga Kementerian Pertahanan dan veteran ATM terutamanya mengenai matlamat, hala tuju, skop-skop utama kajian serta lain-lain perkara yang akan dikongsi kelak. Dengan mengambil kira aspek kesegeraan (*urgency*) terhadap kajian SSPA ini untuk disempurnakan, sesi pertemuan atau libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan adalah amat wajar untuk dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan Kajian SSPA bersifat terangkum dan inklusif.
11. Saya juga telah dimaklumkan bahawa taklimat ini turut berperanan sebagai makluman awal dan pemudah cara kepada semua wakil skim perkhidmatan sebelum tiga (3) sesi libat urus inklusif dilaksanakan selepas ini. Kumpulan

ATM yang terlibat adalah daripada cawangan Darat, Laut, Udara, veteran ATM dan juga lain-lain skim perkhidmatan am di bawah Kementerian Pertahanan.

12. Perlu untuk saya mengingatkan, JPA akan mendengar dan meneliti setiap cadangan di peringkat akar umbi Perkhidmatan Awam, tetapi ia mungkin tidak dapat memuaskan hati pihak-pihak berkaitan. Dalam hal ini, yang lebih utama adalah persefahaman, kesepakatan dan kerelaan untuk berkumpul dan memaklumkan kepada Kerajaan berkenaan isu-isu yang dihadapi oleh kelompok-kelompok skim perkhidmatan secara terbuka dan ikhlas supaya ia dapat difahami dengan jelas daripada semua sudut.
13. Apa jua keputusan di peringkat Kerajaan kelak, diharapkan agar pembaharuan serta penambahbaikan yang bakal diterjemahkan menerusi Kajian SSPA ini adalah bersifat seimbang serta bersesuaian dengan kepentingan semua pihak termasuk aspirasi yang dinyatakan oleh pimpinan tertinggi negara.

MEMBUDAYAKAN H.E.M.A.T BAGI MEREALISASIKAN AGENDA NEGARA

Sidang hadirin yang saya kasihi sekalian,

14. Semasa Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) di dalam Majlis Perhimpunan Bulanan JPA baru-baru ini, saya telah memperkenalkan HEMAT sebagai hala tuju baharu nilai-nilai Penjawat Awam. Secara umumnya, HEMAT menganjurkan kita semua untuk sentiasa

menerapkan aspek kewaspadaan dalam tindakan, serta ketelitian dalam pelaksanaan segala tugas yang diamanahkan.

15. HEMAT terdiri daripada lima (5) teras nilai yang harus dihayati dan diamalkan oleh seluruh Penjawat Awam. **“Hijrah Tata Kelola”** mengehendaki kita untuk sentiasa berani mengubah cara kerja agar selari dengan kehendak dan tuntutan semasa. **“Empati Rakyat”** pula menganjurkan kita untuk sentiasa prihatin terhadap permasalahan rakyat dan melaksanakan pelbagai inisiatif yang dapat memberikan kesejahteraan kepada rakyat.
16. **“Minda Pekin”** pula merujuk kepada sikap berjimat cermat, serta melaksanakan tugas secara kreatif dan inovatif melalui kerjasama strategik yang dapat memberikan *value for money* kepada Kerajaan. Manakala, **“Apresiasi Inovasi”** merujuk kepada perkembangan idea-idea baharu terutamanya dalam aspek teknologi digital. Dan yang terakhir, **“Telus Tadbiran”** adalah berkait rapat dengan nilai-nilai integriti dalam kita menjalankan tugas seharian.
17. Semoga, nilai HEMAT yang digariskan ini akan dapat diserap oleh warga Kementerian Pertahanan sekalian dalam menjalankan tugas di organisasi masing-masing. Asimilasi kepada nilai-nilai baharu ini adalah antara usaha kita dalam menjayakan dasar **Malaysia MADANI** dan aspirasi **“The G.R.E.A.T. Civil Service”**.

PENUTUP

YBhg. Tan Sri/Dato'/Dr./Tuan/Puan yang saya kasihi sekalian,

18. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada pengurusan tertinggi Kementerian Pertahanan khususnya YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia yang memberikan komitmen penuh terhadap sesi libat urus ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Pertahanan, yang membantu JPA melaksanakan penyelarasan berhubung taklimat dan juga sesi SLU yang akan diadakan kelak.
19. Semoga taklimat selepas ini dan sesi libat urus yang akan diadakan mengikut ketetapan jadual akan dapat menghasilkan satu inisiatif dan perubahan yang komprehensif kepada sistem saraan Perkhidmatan Awam yang seterusnya menyumbang kepada pembentukan Perkhidmatan Awam yang berprestasi tinggi.
20. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Taklimat Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam bagi Warga Kementerian Pertahanan dan Veteran Angkatan Tentera Malaysia.

Sekian. Wabillahi Taufiq Wal Hidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

- TAMAT -
(1,340 patah perkataan)